

# Umno hadir dengan fikiran terbuka: PM

BH 13 JAN 2001

KUALA LUMPUR. Jumaat – Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju mengadakan pertemuan dengan Pas bagi berbincang soal perpaduan Melayu dan akan mengahdirinya dengan fikiran terbuka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob akan berbincang dengan rakan sejawatannya dari Pas, Nasharudin Mat Isa, mengenai format dan logistik bagi pertemuan itu.

Beliau berkata, Umno berharap Pas akan bersetuju untuk menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama ini dan mengadakan perjumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti yang dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

“Cadangan yang dibuat oleh Datuk Fadzil Noor supaya berbincang mengenai perpaduan nasional kita tidak menolak tetapi kita berharap dapat tumpukan pada permulaan ini berkenaan dengan perpaduan Melayu saja... tidak ada lain yang akan dibincang.

“Kita cuma tangguh... ini tidak bermakna kita tolak perpaduan nasional. Kita boleh bincang kemudian. Satu tajuk itu saya ingat pun boleh makan masa panjang,” katanya selepas mesyuarat hampir tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, Umno juga telah dihubungi secara lisan oleh Pas mengenai persetujuan parti pembangkang itu mene-

rima pelawaan Umno bagi pertemuan itu, tetapi Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menolak jemputan itu melalui surat rasmi.

“Kita telah terima surat daripada Keadilan bahawa Keadilan tidak bercadang untuk menyertainya kerana ia bukan parti Melayu. Oleh itu pertemuan ini hanya akan diadakan antara Umno dengan Pas saja,” katanya dan membacakan surat penolakan Keadilan yang ditandatangani Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata motif utama perbincangan dengan parti pembangkang itu adalah untuk mencari perpaduan di kalangan orang Melayu kerana ramai berpendapat perpecahan yang berlaku ‘agak terlalu ketara’ sehingga ia mempunyai kesan tidak baik bagi seluruh negara.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, Umno dan Pas perlu bertolak ansur dalam menyediakan agenda dan format pertemuan, terutama membabitkan agenda perbincangan.

“Bukanlah kita hendak menerima semua yang dicadangkan, kita pun ada pendirian juga. Kita akan cari satu format yang dipersejajuti kedua-dua pihak.

“Kami tidak akan mengahraikan mereka dan mereka juga tidak boleh memaksa kami. “Kita tidak dapat tentukan agenda kerana ini bergantung pandangan Pas dan hanya kita boleh kata, kita akan datang dengan fikiran terbuka mengenai perpaduan Melayu saja,” katanya.